

2

**NOVEL-NOVEL ANWAR RIDHWAN:
PENERAPAN TERHADAP TEORI TEKSDEALISME**

OLEH

HAJIJAH JAIS

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA PENGAJIAN MELAYU**

**JABATAN KESUSASTERAAN MELAYU
AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
2004**

Perpustakaan Universiti Malaya



A511904497

PERAKUAN

Saya yang bernama seperti di bawah mengaku bahawa disertasi ini merupakan hasil usaha saya sendiri kecuali penggunaan bahan/petikan yang telah dinyatakan sumbernya.

Nama : HAJIAH BT. JAIS

No. Matrik : JGAZ01006

Tandatangan :

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Hajiah Bt. Jais', with a long horizontal flourish extending to the right.

Tarikh : 14 FEBRUARI 2004.

PENGHARGAAN

Pertamanya, saya amat bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana telah memberikan kudrat kepada saya untuk menyiapkan kajian ini.

Seterusnya, saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak pengurusan Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia, yang telah memberi peluang dan kemudahan kepada saya untuk melanjutkan pengajian ini. Terima kasih juga kepada mantan Pengarah Jabatan Sastera, Tuan Haji Hamdan Yahya, mantan Ketua Bahagian Teori dan Kritikan Sastera, Tuan Haji Abdul Rahman Yusof (sekarang Pengarah Jabatan Sastera), Tuan Haji Hamzah Hamdani (sekarang Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak), juga kepada Ketua Bahagian Teori dan Kritikan Sastera sekarang, Encik Mohamad Daud Mohamad, yang telah banyak memberikan semangat, dorongan dan sokongan kepada saya, baik dalam bidang kerjaya mahupun kajian ini. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Dato' Dr. Anwar Ridhwan yang sentiasa bersedia memberikan maklumat yang diperlukan dalam usaha saya memperbaiki kajian ini.

Saya juga amat terhutang budi kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Mohamad Mokhtar Haji Abu Hassan, Ketua Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, yang telah memberi panduan, tunjuk ajar, dan bimbingan dengan begitu tekun dan sabar. Tanpa tunjuk ajar dan bimbingan beliau, saya tidak akan dapat menyiapkan kajian ini seadanya.

Rakaman terima kasih juga khusus saya abadikan buat sahabat saya, Puan Siti Aisah Murad, Pegawai Perancang Bahasa, Bahagian Kesusasteraan Moden, Dewan Bahasa dan Pustaka, yang tanpa jemu memberikan galakan dan semangat kepada saya untuk menyiapkan kajian saya tepat pada waktunya. Perasaan yang sama juga saya abadikan buat adinda Tengku Intan Marlina Mohd Ali di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, yang telah sudi berkongsi idea dan bahan rujukan dalam usaha menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada Puan Kamariah Abu Samah, Pustakawan, Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, dan kakitangan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, yang membantu saya baik secara langsung mahupun tidak langsung.

Akhir sekali, saya juga merakamkan penghargaan kepada suami saya, Abang Sallehuddin bin Abang Shokeran, yang sering mencetuskan cabaran, memberi dorongan dan semangat kepada saya untuk menyiapkan kajian ini. Kepada anak-anak yang amat saya kasihi, Norasyikin, Mohd. Nurhafidzan dan Muhd. Nazirul Faiz, terima kasih kerana telah banyak berkorban dan sanggup bersama-sama dalam apa juga keadaan.

HAJIJAH BINTI JAIS
Bahagian Teori dan Kritikan Sastera,
Jabatan Sastera,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kuala Lumpur.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan memperlihatkan kepengarangan Anwar Ridhwan dalam penulisan novel dengan menerapkan teori teksdealisme yang diasaskan oleh Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Napiah (Mana Sikana). Novel yang digunakan untuk tujuan kajian ini ialah *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*, *Arus*, dan *Di Negeri Belalang*. Teori teksdealisme mempunyai empat prinsip iaitu prinsip kehadiran, perlanggaran, pengukuhan, dan individualisme. Penerapan keempat-empat prinsip ini terhadap teks dapat memperlihatkan sama ada teks itu, sekaligus pengarangnya, mencapai keunggulan ataupun sebaliknya. Kehadiran pengalaman pada seseorang pengarang amat penting untuk menghasilkan teks yang unggul. Ia merupakan suatu proses yang berterusan, dan pengarang pula akan menghadirkan pengalaman itu sebaiknya dalam karya-karyanya. Pengarang yang mempunyai ciri-ciri keunggulan tidak akan membenarkan dirinya berada di bawah teks ataupun di bawah bayang-bayang pengarang lain. Dalam dirinya sentiasa wujud keinginan untuk menghasilkan teks yang lebih baik daripada teks yang telah dihasilkannya sendiri, ataupun yang telah dihasilkan oleh pengarang lain. Untuk mencapai keunggulan, seseorang pengarang itu harus mempunyai keberanian dan kebijaksanaan untuk keluar daripada konvensi dengan melakukan perlanggaran yang merupakan prinsip kedua teori teksdealisme. Perlanggaran mungkin saja dari segi teknik penulisan, pemikiran yang terkandung di dalamnya, watak-wataknya, dan yang seumpamanya. Penerapan prinsip ketiga, iaitu pengukuhan akan memperlihatkan proses pemantapan, pengejapan, dan penyempurnaan teks

seseorang pengarang. Lazimnya, pengarang yang unggul tidak akan terus berpuas hati dengan karya yang dihasilkannya. Pengarang akan memperbaiki karya yang diusahakannya itu berulang-ulang kali sebelum diserahkan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk tujuan penerbitan. Ketiga-tiga prinsip yang disebutkan di atas ini seterusnya akan mengunggulkan keperibadian pengarang, dan teks yang dihasilkannya. Keperibadian pengarang ataupun disebut juga sebagai individualisme ini merupakan prinsip keempat dan terakhir. Ia juga merupakan analisis terakhir teori teksdealisme dan kemuncak perbincangan terhadap seseorang pengarang mahupun teksnya. Menurut *Mana Sikana*, hanya pengarang yang unggul akan menghasilkan teks yang unggul. Teks yang unggul pula seterusnya dapat melahirkan khalayak yang unggul. Dalam konteks Anwar Ridhwan, hasil kajian ini telah dapat membuktikan bahawa beliau telah mencapai keunggulannya sebagai penulis novel dan teori teksdealisme juga sesuai diterapkan untuk mengukur keunggulan seseorang pengarang dan teks yang dihasilkannya.

ABSTRACT

This research is to show the authorship of Anwar Ridhwan in his novel writing by applying the *teksdealisme* theory. Novels to be used in this research are *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*, *Arus*, and *Di Negeri Belalang*. This theory which was founded by Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Napiah (Mana Sikana) has four principles which are presence, contravention, consolidation, and individualism. The application of these four principles to the text can be seen if the text itself, as well as the author, is able to achieve the superb level or otherwise. The presence of experience is an on-going process, and the author will make use of the experience in his writings. The author with superb characteristics will not allow himself to be in the text or being shadowed by the other authors. Within him, there is always an urge to produce a better text than the text he or other authors had produced. In order to achieve the superb level, an author must have the courage and wisdom to go out of the convention by doing some contravention which is the second principle of this theory. The contravention could be in the writing techniques, the ideas or thoughts contained in the writings, the characters, and so on. Normally, an ideal author would not be satisfied by his own work of writings. The author will improve or replenish his writings repeatedly before submitting it for publication purposes. All these three principles mentioned above will later on be idealized in the personality of the author, and the text produced. Personality of the author or also known as individualism is the fourth and the last principle. It is also the last part of the analysis in the *teksdealisme* theory and the climax of the discussion of an author as well as his texts. According to Mana Sikana, only an ideal author can produce an ideal text. An ideal

text later on can produce an ideal audience, that is, the reader. In Anwar Ridhwan's context, the findings of this research proved that he had achieved his best as an author.

KANDUNGAN

PERAKUAN

PENGHARGAAN **iii**

ABSTRAK **v**

ABSTRACT **vii**

KANDUNGAN **viii**

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Permasalahan Kajian	5
1.3	Tujuan Kajian	7
1.4	Kepentingan Kajian	8
1.5	Kajian Terdahulu	9
1.6	Kerangka Teori	14
1.7	Skop dan Bahan Kajian	18
1.8	Kaedah Kajian	18
1.9	Persembahan	19

BAB 2 PENGARANG DAN KEPENGARANGANNYA

2.0	Pendahuluan	21
2.1	Latar Belakang Pengarang	21

2.2	Kepengarangan Anwar Ridhwan	24
2.3	Proses Kreatif	32
2.4	Penutup	38
BAB 3	TEORI SASTERA TEKSDEALISME	
3.0	Pendahuluan	40
3.1	Pengenalan	40
3.2	Prinsip-prinsip Teori Sastera Teksdealisme	49
3.2.1	Prinsip Kehadiran	51
3.2.2	Prinsip Perlanggaran	58
3.2.3	Prinsip Pengukuhan	64
3.2.4	Prinsip Individualisme/ Keperibadian	70
3.3	Penutup	75
BAB 4	PRINSIP KEHADIRAN DAN PERLANGGARAN	
4.0	Pendahuluan	76
4.1	Sinopsis Novel	77
4.1.1	<i>Hari-hari Terakhir Seorang Seniman</i>	77
4.1.2	<i>Arus</i>	81
4.1.3	<i>Di Negeri Belalang</i>	85
4.2	Prinsip Kehadiran dalam Novel-Novel Anwar Ridhwan	91
4.2.1	Pengalaman Zaman Kanak-Kanak/ Remaja	96
4.2.2	Pengalaman Politik	105

4.2.3	Pengalaman Kerjaya	126
4.3	Prinsip Perlanggaran dalam Novel-Novel Anwar	133
4.3.1	Perlanggaran Tema	136
4.3.2	Perlanggaran Dari Segi Teknik	142
4.3.3	Perlanggaran Dalam Aspek Watak dan Perwatakan	149
BAB 5	PRINSIP PENGUKUIAN DAN INDIVIDUALISME	
5.0	Pendahuluan	164
5.1	Pengenalan	164
5.2	Prinsip Pengukuhan dalam Novel-Novel Anwar Ridhwan	167
5.2.1	Pengukuhan Dari Segi Pemikiran atau Idealisme	171
5.2.2	Pengukuhan Dari Segi Aliran dan Teknik Penceritaan	184
5.2.3	Watak dan Perwatakan	187
5.3	Prinsip Keperibadian/ Individualisme Anwar Ridhwan	194
5.3.1	Pengukuhan Diri dan Teks	199
5.3.2	Keperibadian Dari Segi Gaya Bahasa	209
BAB 6	KESIMPULAN	220
	BIBLIOGRAFI	237
	SENARAI KARYA	243